Anamaly @ Anamalai a/l Mayivin lwn Lim Ah Leak dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — RAYUAN-RAYUAN SIVIL NO 12–35 TAHUN 1998 DAN NO12–40 TAHUN1998

VT SINGHAM PK

24 JANUARI 2002

Acara Sivil *— Prosiding pihak ketiga — Indemniti — Kemalangan jalanraya — Prosiding pihak ketiga difailkan terhadap pihak ketiga kerana sumbangan dan indemniti — Sama ada hakim perbicaraan boleh mengambilkira keterangan pihak ketiga untuk membuktikan liabiliti terhadap defendan*

Keterangan *— Keterangan dokumentar — Laporan polis — Pembuat laporan mati sebelum perbicaraan bermula — Sama ada laporan tersebut boled diterima — Akta Keterangan 1950 s 73A(1)*

Lalu Lintas Jalanraya *— Kecuaian — Kemalangan jalanraya — Perlanggaran antara lori dan kenderaan tangki minyak — Sama ada bayaran kompaun oleh satu pihak untuk satu kesalahan di bawah Kanun Jalanraya adalah mencukupi untuk membuktikan kecuaian*

Lori yang dipandu oleh Tan Chu Leong ('TCL') sedang dalam perjalanan ke Pulau Pinang dari Ipoh. Responden pertama duduk di sebelah TCL. Pemandu sebuah tanker ('pihak ketiga') memotong lori dan kemudian berhenti pada perhentian polis bagi pemeriksaan. Seterusnya, lori TCL menghampiri dan melanggar belakang tanker pihak ketiga. TCL meninggal dunia di tempat kejadian dan responden pertama cedera parah. Responden pertama menyaman estet TCL bagi kecuaian. Estet TCL kemudiannya memfailkan prosiding pihak ketiga terhadap pihak ketiga bagi sumbangan dan tanggung rugi. Estet TCL menyalahkan pihak ketiga kerana memberhentikan tankernya secara tiba-tiba pada perhentian polis. Sebaliknya pihak ketiga mendakwa TCL bertanggungjawab sepenuhnya bagi kemalangan itu. Pihak ketiga menerangkan bahawa dia tidak melihat pada cermin belakangnya sebelum berhenti dan dia disoal oleh polis mengenai muatan kenderaannya sebaik sahaja dia memberhentikan tanker. Mengikut pihak ketiga sebelum dia dapat menjawab pegawai polis, lori telah melanggar belakang tankernya. Pegawai polis ('PO') yang menyelia perhentian polis itu telah membuat laporan mengenai kemalangan tersebut. Bagaimanapun PO meninggal dunia sebelum perbicaraan dan walaupun pihak-pihak tersebut telah bersetuju untuk menggunakan laporan itu sebagai ekshibit. Hakim mahkamah sesyen membuat keputusan bahawa ia tidak selamat untuk bergantung pada ekshibit tersebut kerana tiada peluang bagi pihak-pihak tersebut untuk memeriksa balas PO. Hakim mahkamah sesyen membenarkan tuntutan responden pertama terhadap estet TCL pada kadar 80% dan terhadap pihak ketiga pada kadar 20%. Pihak ketiga merayu.

A **Diputuskan**, menolak rayuan:

(1) Keterangan menunjukkan lori TCL telah melanggar tanker dari belakang dan pihak-pihak tersebut tidak mempertikaikan fakta ini. Dalam situasi ini, k 22 Kod Lebuhraya LN 165/1959 Peraturan Trafik Jalanraya 1959 ('Kod Lebuhraya') berkuatkuasa B dan TCL adalah cuai prima facie di bawah s 59(4) Ordinan Kenderaan Jalanraya 1958 ('Ordinan') (lihat ms 479C).

(2) Untuk membuktikan kecuaian terhadap TCL, adalah mencukupi untuk responden pertama membuktikan bahawa TCL telah secara cuai melanggar belakang tanker pihak ketiga. Untuk C berbuat demikian, responden pertama boleh bergantung pada keterangannya sendiri dalam mahkamah, keterangan yang diperolehi daripada pemeriksaan balas oleh peguam pihak ketiga ataupun peguam TCL ataupun keterangan yang diterima dari pihak ketiga mengenai kemalangan tersebut. Dalam kes ini, responden pertama telah membuktikan bahawa TCL adalah cuai D (lihat ms 477C–G).

(3) Berdasarkan keterangan yang diberikan oleh pihak ketiga mahkamah mungkin dapat membuat inferens bahawa: (a) pihak ketiga langsung tidak tahu bahawa lori menghampirinya dari belakang kerana beliau tidak melihat pada cermin belakangnya E sebelum berhenti; (b) pihak ketiga telah berhenti pada perhentian jalanraya bagi tempoh seketika sahaja sebelum kemalangan itu berlaku; (c) pihak ketiga tidak memberhentikan tankernya pada bahu jalan tetapi pada jalanraya itu sendiri, dan (d) hanya selepas kemalangan itu berlaku pihak ketiga memberhentikan tankernya pada bahu jalanraya. Dalam keadaan ini, k 31 Peraturan tersebut F dapat diaplikasikan berkaitan dengan pihak ketiga dan beliau cuai prima facie di bawah s 59(4) Ordinan. Walau bagaimanapun, tidak mencukupi untuk menunjukkan satu pihak adalah cuai hanya kerana membayar kompaun bagi kesalahan di bawah Kod Lebuhraya. Adalah perlu untuk mengemukakan keterangan lain G untuk menunjukkan pihak itu cuai (lihat ms 479A–C, 480D–E).

(4) Walaupun PO tidak boleh diperiksa balas mengenai laporan yang dibuat sebelum kematiannya, ini tidak bermakna bahawa mahkamah perbicaraan langsung tidak boleh berpegang kepada laporan tersebut. PO merupakan seorang pegawai polis dan bukan pihak yang mempunyai kepentingan. Laporan ini dibuat H berkaitan dengan kemalangan tersebut dan berkaitan dengan perkara berhubungan dengan tugas rasmi PO sebagai pegawai polis. Oleh itu, laporan PO boleh dikemukakan di bawah s 73A(6) Akta Keterangan 1950 ('Akta tersebut') dan hakim mahkamah sesyen harus memberi kepentingan kepada kandungan laporan I PO (lihat ms 481B–E).

(5) Peruntukan s 32(1)(i) dan (j) Akta tersebut hanya diaplikasikan dalam prosiding jenayah. Oleh itu, tidak boleh bergantung

pada s 32(1)(i) dan (j) untuk menggunakan laporan RO (lihat ms 481F–H7). A

(6) Ini bukan kes di mana tanker telah berhenti di bahu jalan bagi satu tempoh masa yang panjang dan jika lori telah berlanggar pada bahagian belakang tanker dalam situasi begini, TCL boleh dianggap sebagai bertanggung jawab sepenuhnya bagi kemalangan tersebut. Dalam kes ini, pihak ketiga tidak mengatakan dalam laporan polisnya bahawa beliau telah memperlahankan kenderaannya apabila melihat perhentian polis. Walaupun pihak ketiga telah mengatakan bahawa beliau telah memperlahankan kenderaannya apabila melihat perhentian polis, keterangan ini yang diberikan semasa perbicaraan kelihatan seperti sesuatu yang difikirkan kemudian. Maka, sepertimana yang telah diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen, pihak ketiga adalah bertanggung jawab ataupun telah menyumbang dalam kemalangan. Mahkamah tidak akan masuk campur dengan keputusan hakim mahkamah sesyen untuk mengenakan liabiliti ke atas pihak ketiga pada kadar 20% (lihat ms 481H–482C, H–483B). B C D

(7) Berdasarkan fakta-fakta, responden pertama telah membuktikan kes prima facie terhadap TCL dan adalah tanggung jawab TCL untuk membantahkannya. Walau bagaimanapun TCL telah meninggal dunia dalam kemalangan tersebut, dan estet TCL tidak dapat membantah kes prima facie (lihat ms 483B–E). E

(8) Walaupun tanpa keterangan pihak ketiga, hakim mahkamah sesyen mendapati bahawa TCL adalah cuai prima facie berdasarkan keterangan responden pertama mengenai bagaimana kemalangan itu berlaku. Namun demikian, kalau keterangan responden kedua tidak mencukupi dalam perkara ini, keterangan pihak ketiga boleh digunakan oleh responden kedua untuk membuktikan kecuaian TCL. Malah, keterangan pihak ketiga adalah perlu untuk membuktikan sebab kemalangan tersebut dan hakim mahkamah sesyen bertanggungjawab untuk mengambil kira semua keterangan yang relevan yang dikemukakan dalam perbicaraan apabila membuat keputusannya, termasuk keterangan pihak ketiga (lihat ms 483G–H, 485G–H). F G

(9) Mahkamah tidak akan masuk campur dengan pengagihan liabiliti dan kuantum liabiliti yang dibuat oleh hakim mahkamah sesyen (lihat ms 488I–489A).

H

[English summary

A motor lorry driven by Tan Chu Leong ('TCL) was travelling towards Pulau Pinang from Ipoh. The first respondent was seated next to TCL. The driver of a motor tanker ('third party') overtook the motor lorry and thereafter stopped at a police roadblock for police inspection. Subsequently, TCL's motor lorry approached and hit the rear of the third party's motor tanker. TCL died on the spot and the I

first respondent suffered severe injuries. The first respondent sued the estate of TCL for negligence. The estate of TCL then filed third party proceedings against the third party for contribution and indemnity. The estate of TCL blamed the third party for abruptly stopping the motor tanker at the police roadblock. The third party, on the other hand, alleged that TCL was wholly liable for the accident. The third party testified that he did not look at his rear view mirror before stopping and that he was questioned by the police regarding the load carried by him as soon as he stopped the motor tanker. According to the third party before he could reply the police officer, the motor lorry had already collided from the rear. The police officer ('PO') who had supervised the roadblock had made a report regarding the accident. PO however passed away before the trial and notwithstanding that the parties had agreed to admit the report as an exhibit, the sessions court judge ruled that it would be unsafe to rely on the same as there was no opportunity for the parties to cross-examine PO. The sessions court judge allowed the first respondent's claim against the estate of TCL to the extent of 80% and against the third party to the extent of 20%. The third party appealed.

Held, dismissing the appeal:

(1) The evidence showed that TCL's motor lorry had hit the motor tanker from behind and the parties did not dispute this fact. In the circumstances, r 22 of the Highway Code LN 165/1959 Road Traffic Rules 1959 ('the Highway Code') was applicable and TCL was prima facie negligent under s 59(4) of the Road Transport Ordinance 1958 ('the Ordinance') (see p 479C).

(2) To prove negligence against TCL, it was sufficient for the first respondent to prove that TCL had negligently hit the rear of the third party's motor tanker. To do this, the first respondent may rely on his own evidence in court, the evidence obtained through cross examination by the third party's counsel or TCL's counsel or evidence obtained from the third party regarding the accident. In the instant case, the first respondent had proved that TCL was negligent (see p 477C–G).

(3) Based on the evidence given by the third party, the court may draw inferences that: (a) the third party was totally unaware that the motor lorry was approaching from behind as he had not looked at his rear view mirror before stopping; (b) the third party had stopped at the road block for a very short time before the accident happened; (c) the third party did not stop his motor tanker at the side of the road but on the road proper; and (d) only after the accident did the third party park the motor tanker at the side of the road. Under the circumstances, r 31 of the Rules was applicable in respect of the third party and he was prima facie negligent under s 59(4) of the Ordinance. Notwithstanding that, it was not sufficient to show that a party was negligent by the mere

payment of compound for an offence under the Highway Code. It was necessary to adduce other evidence to show that that party was negligent (see pp 479A–C, 480D–E).

(4) Although PO could not be cross examined regarding the report made prior to his death, this did not mean that the trial court could not attach any weight to the report. PO was a police officer and was not an interested party. The report was made contemporaneously with the accident and in relation to a matter connected with RO's official duties as a police officer. As such, RO's report was admissible under s 73A(6) of the Evidence Act 1950 ('the Act') and the sessions court judge ought to have given regard to the contents of RO's report (see p 481B–E).

(5) The provisions of s 32(1)(i) and (j) of the Act were only applicable in respect of criminal proceedings. Therefore, s 32(1)(i) and (j) cannot be relied upon to admit RO's report (see p 481F–H).

(6) This was not a case where the motor tanker had stopped by the side of the road for a long period of time because if the motor lorry had collided into the rear of the motor tanker under such circumstances, TCL can then be regarded as being wholly liable for the accident. In the instant case, the third party did not state in his police report that he had slowed down upon seeing the police roadblock. Although the third party had mentioned, in the trial, that he had slowed down upon seeing the police roadblock, this evidence given at the trial appeared to be an afterthought. Accordingly, as had been decided by the sessions court judge, the third party was responsible or had contributed to the accident. The court would not interfere with the decision of the sessions court judge to impose liability on the third party to the extent of 20% (see pp 481H–482C, H–483B).

(7) Based on the facts, the first respondent had proved a prima facie case against TCL and it was the duty of TCL to rebut. However, as TCL had died in the accident, the estate of TCL had been unable to rebut the prima facie case (see p 483B–E).

(8) Even without the evidence of the third party, the sessions court judge was able to find that TCL was prima facie negligent based on the first respondent's evidence regarding how the accident had occurred. However, even if the second respondent's evidence had not been sufficient in this regard, the evidence of the third party could be relied upon by the second respondent to prove TCL's negligence. In fact, the third party's evidence was a necessary link to proving the cause of the accident and the sessions court judge was duty bound to take into account all relevant evidence adduced in the trial when making his decision, including the third party's evidence (see pp 483G–H, 485G–H).

(9) The court would not interfere with the apportionment of liability and quantum of liability made by the sessions court judge (see pp 488I–489A).]

A **Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai indemniti, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 6289–6290.

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalanraya, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan-perenggan 391–420.

B Untuk kes-kes mengenai laporan polis, lihat 7 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 1086–1088.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Mokhti bin Hj Ahmad v Idris bin Ibrahim [1977] 2 MLJ 85 (diikut)

C *Attorney General v Rada Baskara* [1972] 2 MLJ 169 (diikut)

Barclays Bank v Tom [1923] 1 KB 221 (diikut)

Benmax v Austin Motor Co Ltd [1955] 1 All ER 326 (dirujuk)

Chan Peng Fook v Kan Pak Lee [1974] 2 MLJ 197 (dirujuk)

Chew Soon Lan v Ludhiana Transport Syndicate & Anor [1976] 2 MLJ

D 205 (diikut)

China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal [1996] 2 MLJ 517 (dirujuk)

Chock Kek Ling v Patt Hup Transport Co Ltd & Ors [1966] 1 MLJ 120 (dirujuk)

E *Coghlan v Cumberland* [1898] 1 Ch D 704 (diikut)

Commercial Union Assurance (M) Sdn Bhd v Ng Chek Hung & another appeal [1997] 2 MLJ 465 (diikut)

De Cotta v Tan Hock Lee [1972] 2 MLJ 173 (diikut)

Eden v Weardale Iron & Coal Co [1887] 35 h D 287 (diikut)

Haron v Macaulay [1969] 1 MLJ 169 (diikut)

F *Hitam bin Abdullah & Anor v Kok Foong Yee (f) & Anor* [1974] 1 MLJ 193 (dirujuk)

Hussein & Anor v Maiden [1970] 1 MLJ 114 (dirujuk)

Jeremiah v Lee Yew Kwai [1966] 1 MLJ 59 (dirujuk)

Kerry v Carter [1969] 1 WLR 1372 (diikut)

G *Khairul Anuar bin Abu Bakar v Lim Eng Choon* [1990] 2 CLJ 994 (dirujuk)

Kuruma v The Queen [1955] AC 197 (diikut)

Lee Ngiap Hoon v Theo Sin [1992] 1 SLR 83 (diikut)

Lofthouse v Leicester Corp [1948] 64 TLR (dirujuk)

MA Clyde v Wong Ah Mei & Anor [1970] 2 MLJ 183 (dirujuk)

H *Mariam bte Mansor v JD Peter* [1975] 1 MLJ 279 (diikut)

Mat Shah bin Mohamed & Anor v Foo Say Meng & Ors [1984] 1 MLJ 237 (dirujuk)

Mohd Samsudin bin Ismail v Tan Yeow Hwa & Anor [2000] 3 AMR 3445 (dirujuk)

Neo Chan Eng v Koh Yong Hoe [1960] MLJ 291 (diikut)

I *Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah* [1985] 1 MLJ 30 (diikut)

Ong Cheng Wah & Anor v Supramaniam Arjunan [2001] 4 CLJ 202 (diikut)

Payremalu a/l Veerappan v Dr Amerjeet Kaur & Ors [2001] 3 MLJ 725 (diikut)
PP v Michael Anayo Akabogu [1995] 3 MLJ 42 (dirujuk)
PP v Mohd Jamil bin Yahya & Anor [1993] 3 MLJ 702 (dirujuk)
Rasidin bin Partojo v Frederick Kiai [1976] 2 MLJ 214 (dirujuk)
Renal Link (KL) Sdn Bhd v Dato' Dr Harnam Singh [1997] 2 MLJ 373 (dirujuk)
Samar bte Mansor v Mustafa Kamarul Arifin [1974] 2 MLJ 71 (dirujuk)
Siti Aisha bte Ibrahim v Goh Cheng Hwai [1982] 2 MLJ 124 (dirujuk)
Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395 (dirujuk)
Tan Kuan Yau v Suhindrimani [1985] 2 MLJ 22 (dirujuk)
Tay Kheng Hong v Heap Moh Steamship Co Ltd [1964] 30 MLJ 87 (dirujuk)
Thong Khing Kia & Anor v Yeo Kong Boon [1991] 2 MLJ 101 (dirujuk)
Topaiwah v Salleh [1968] 1 MLJ 284 (dirujuk)
Uval & Anor v Zainal [1970] 1 MLJ 74 (diikut)
Wan Norsiah bte Wan Abdullah v Che Harun bin Che Daud [1991] 1 MLJ 202 (dirujuk)
Yahaya bin Mohamad v Chin Tuan Nam [1975] 2 MLJ 117 (dirujuk)
Yew You & Anor v Mah Poay Koh & Anor [1970] 1 MJ 57 (diikut)

Undang-Undang yang dirujuk

Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 s 31
Akta Keterangan 1950 ss 6, 7, 9, 17, 18, 21, 32(1)(i), (j), (2), 58, 73A(1), (6)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 16 k 1(3)
Kanun Jalanraya LN 165/1959
Ordinan Pengangkutan Jalanraya 1958 s 59(4)
Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalanraya 1959 k 22

Arjan Singh a/l Chanan Singh (*Jagjit Singh &Co*) bagi pihak responden pertama/plaintif-plaintif dalam Rayuan Sivil No 12–35 tahun 1998 dan Rayuan Sivil No 12–40 tahun 1998.

VK Dasaratharaj Pillai (*VP Natahn & Partners*) bagi pihak perayu/harta pusaka si mati dalam Rayuan Sivil No 12–40 tahun 1998 dan bagi responden kedua dalam Rayuan Sivil No 12–35 tahun 1998.

S Viswanathan (*Kanaga Suresh & Co*) bagi pihak perayu/pihak ketiga dalam Rayuan Sivil No 12–35 tahun 1998 dan bagi pihak responden kedua dalam Rayuan Sivil No 12–40 tahun 1998.

VT Singham PK: Rayuan ini adalah oleh perayu terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen Taiping pada masa itu En Hannindar Singh Dhaliwal yang diberi pada 4 November 1998 tentang liabiliti dan ganti rugi di mana tuntutan responden pertama telah dibenarkan dan liabiliti dibahagikan di antara pemandu-si mati motor lori No PAK 5263 dan pemandu motor tanker No WB 3899 iaitu, pihak ketiga, di mana pemandu-

si mati motor lori tersebut didapati bertanggung 80% dan pemandu motor tanker No WB 3899 tersebut iaitu, pihak ketiga bertanggung 20%. Responden pertama adalah seorang penumpang dan atendan di motor lori tersebut yang duduk di sebelah pemandu-si mati motor lori No PAK 5263.

Fakta-fakta kes

Pada 8 Mei 1982, jam lebih kurang 2.50 petang, Tan Chu Leong, si mati sedang memandu motor lori No PAK 5263 dengan responden pertama Lim Ah Leak yang duduk sebelahnya sebagai atendan daripada arah Ipoh menghala ke Pulau Pinang. Apabila sampai di Batu $67^{1}/_{2}$, Jalanraya Ipoh-Penang, Bagan Serai, pemandu motor tanker No WB 3899, iaitu, Anamaly @ Annamalai a/l Mayivin, pihak ketiga memotong motor lori tersebut dan berhenti di satu sekatan polis (road block) yang telah dijaga oleh six orang anggota polis. Pada masa itu motor lori tersebut telah melanggar bahagian belakang motor tanker tersebut. Seterusnya, pemandu-si mati motor lori tersebut (Tan Chu Leong) telah meninggal dunia dalam kemalangan tersebut dan responden pertama Lim Ah Leak seorang penumpang dan atendan di motor lori tersebut telah mengalami kecederaan yang parah di mana kaki kiri beliau telah dipotong.

Responden pertama Lim Ah Leak telah mengambil tindakan terhadap harta pusaka si mati Tan Chu Leong, iaitu, pemandu-si mati motor lori tersebut di atas kecuaian memandu motor lori tersebut di mana beliau melanggar bahagian belakang motor tanker tersebut manakala harta pusaka pemandu-si mati motor lori tersebut iaitu, defendan di dalam kes ini memfailkan tindakan pihak ketiga (third party proceedings) terhadap pemandu motor tanker tersebut untuk menuntut sumbangan dan tanggung rugi (contribution dan indemnity) dan telah memasukkan pemandu motor tanker tersebut sebagai pihak ketiga mengikut perintah Mahkamah Tinggi Pulau Pinang bertarikh 23 Mac 1987 di dalam tindakan yang difailkan oleh responden pertama.

Harta pusaka Tan Chu Leong, pemandu-si mati motor lori tersebut menyalahkan (blamed) pihak ketiga pemandu motor tanker tersebut kerana tiba-tiba berhenti motor tanker tersebut di sekatan polis (road block) tanpa memberi amaran yang mencukupi terlebih dahulu manakala pihak ketiga pemandu motor tanker tersebut menyalahkan pemandu si mati motor lori tersebut sebagai bertanggungjawab sepenuhnya kerana melanggar bahagian belakang motor tanker tersebut yang telahpun berhenti di sekatan pohs (road block) selama satu minit di mana polis sedang memeriksa motor tanker tersebut.

Di dalam kes ini terdapat keterangan bahawa seorang anggota polis Kpl Rahmat bin Othman, yang menjaga sekatan polis (road block) sebagai ketua pada masa kemalangan berlaku ada membuat laporan polis lihat nombor laporan Bagan Serai 1619/82 pada jam 3.30 petang pada tarikh kemalangan iaitu 8 Mei 1982 di Bagan Serai telah meninggal dunia pada 11 Jun 1994 sebelum perbicaraan bermula pada 3 September 1997 dan tidak dapat memberi keterangan dalam perbicaraan Mahkamah Sesyen

Taiping. Lapuran polis beliau telah dikemukakan oleh responden pertama dan diterima masuk sebagai eksh P8 di atas persetujuan semua pihak tetapi hakim mahkamah sesyen tidak memberi sebarang berat (weight) kepada kandungannya. Hakim mahkamah sesyen berkata, 'As for the police report of the deceased policeman, it would be unsafe to rely on it. The police report says that the accident occurred when the policeman "sedang periksa lori"'. 'Sedang periksa lori' could very well mean when the policeman was in the process of stopping the lorry. Also, as there was no opportunity for the other parties to cross-examine the deceased policeman, not much weight can be given to the report especially as I had indicated that it was open to more than one interpretation.' Untuk mendapati sepenuhnya kandungan laporan polis Kpl Rahmat bin Othman, mahkamah ini mencatit kandungannya seperti berikut:

> Pada 8 Mei 1982 jam 2.50pm saya dengan Konst 27958, Konst 89262, 98445, MM/T 9141, 9149, buat sekatan jalanraya depan Balai dan sedang periksa motor lori WB 3899, tiba-tiba datang motor lori No PAK 5263 telah langgar buntut motor lori WB 3899, dan pemandu motor lori No PAK 5263 dengan seorang yang duduk di hadapan keadaan parah.
>
> Datang Balai buat repot.

Pada 4 November 1998 seperti yang dikatakan terlebih dahulu, hakim mahkamah sesyen En Harminder Singh Dhaliwal yang mendengar kes ini telah mendapati penfandusi mati motor lori tersebut bertanggung 80% dan pihak ketiga (pemandu motor tanker tersebut) bertanggung 20% di atas menyebabkan kemalangan tersebut. Responden pertama plaintif Lim Ah Leak telah dibenarkan ganti rugi am dan khas berjumlah RM173,423 tidak termasuk faedah dan kos. Award berjumlah RM173,423 adalah seperti berikut:

GANTI RUGI AM

(1)	Ganti rugi am untuk kecederaan dan kehilangan kaki di sebelah kiri	RM 60,000
(2)	Kehilangan pendapatan pada RM500 sebulan selama 15 tahun (pre trial loss)	RM 90,000
(3)	Kehilangan keupayaan pencarian pendapatan pada masa hadapan (loss of earning capacity)	RM 20,000

GANTIRUGI KHAS

(4)	Ganti rugi khas yang disetujui adalah	RM 3,423
	Jumlah	RM173,423

Dan faedah 6% setahun untuk ganti rugi am dari tarikh penyerahan writ saman pada 8 April 1983 sehingga tarikh penghakiman pada 4 November 1998 dan 3% setahun untuk ganti rugi khas dari tarikh kemalangan pada

A 8 Mei 1982 ke tarikh penghakiman dan seterusnya 8% setahun di atas jumlah penghakiman sehingga penyelesaian dan 8% setahun ke atas RM153,423 dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh. Tidak ada faedah untuk kehilangan keupayaan pencarian pendapatan.

Hakim mahkamah sesyen juga telah menghakimi dan perintahkan
B bahawa harta pusaka pemandu-si mati motor lori tersebut membayar kepada responden pertama sebanyak RM153,423 sebagai ganti rugi am dan khas dan faedah ke atas ganti rugi tersebut dan RM20,000 untuk kehilangan keupayaan pencarian pendapatan tanpa faedah dan kos iaitu di atas 100% dan membahagikan liabiliti 20% terhadap pemandu motor tanker-pihak ketiga tersebut dan 80% terhadap harta pusaka pemandu-si
C mati motor lori tersebut. Hakim mahkamah sesyen juga perintahkan supaya pemandu motor tanker-pihak ketiga menyumbang dan membayar balik kepada harta pusaka pemandu-si mati motor lori sebanyak 20% daripada jumlah penghakiman yang ditaksirkan termasuk faedah yang dibayarkan oleh harta pusaka pemandu-si mati motor lori kepada responden pertama seperti yang dinyatakan di bawah ini:

D

(a) ganti rugi am sebanyak RM12,000 (20% daripada RM60,000) serta dengan faedah pada kadar 6% dari tarikh penyerahan Writ (8 April 1983) sehingga tarikh penghakiman (4 November 1998);

(b) ganti rugi khas sebanyak RM18,684.60 (20% daripada RM93,423) serta dengan faedah pada kadar 3% dari tarikh kemalangan (8 Mei 82)
E sehingga tarikh penghakiman (4 November 1998);

(c) kehilangan keupayaan pencarian pendapatan (loss of earning capacity) sebanyak RM4,000 tanpa faedah (20% daripada RM20,000);

(d) 20% daripada faedah atas jumlah RM153,423 dari tarikh
F penghakiman sehingga tarikh penyelesaian bayaran;

(e) 20% daripada kos plaintif seperti ditaksirkan di atas.

Latar belakang kes

G Sebelum kes ini dibicarakan di Mahkamah Sesyen Taiping, tindakan ini pada mula-mulanya telah difailkan di Mahkamah Tinggi Georgetown, Pulau Pinang pada 17 Mac 1983 dan dari situ kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Georgetown pada 15 December 1987 dan seterusnya kes ini dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Parit Buntar pada 29 Mac 1989 dan akhirnya kes ini dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Taiping pada
H 31 Mac 1993. Mahkamah ingin mencatit bahawa apabila kes difailkan di Mahkamah Tinggi Georgetown, Pulau Pinang, responden pertama telah mengambil tindakan terhadap harta pusaka pemandu si mati motor lori tersebut dan Penang Lorry Transport Co Sdn Bhd sebagai tuanpunya motor lori tersebut tetapi tindakan terhadap tuanpunya motor lori tersebut telah ditarik balik apabila satu bantahan awalan dibangkitkan oleh peguam
I bagi tuanpunya motor lori tersebut. Bantahan awalan tersebut adalah bahawa tindakan saman tidak boleh diambil oleh responden pertama iaitu seorang atendan motor lori tersebut terhadap tuanpunya motor lori

mengikut s 31 of the Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 di mana seorang tidak boleh mengambil tindakan terhadap majikan beliau. Dengan itu, responden pertama hanya meneruskan tindakan terhadap harta pusaka pemandu-si mati motor lori tersebut dan menarik balik tindakan terhadap tuanpunya motor lori sebagai seorang defendan dalam tindakan itu.

Kedua-dua pihak iaitu harta pusaka pemandu-si mati motor lori tersebut dan pihak ketiga pemandu motor tanker tersebut yang tidak puas hati dengan keputusan hakim mahkamah sesyen yang diberi pada 4 November 1998 telah masing-masing memfailkan satu notis rayuan pada 14 November 1998 di Mahkamah Sesyen Taiping untuk merayu kepada Mahkamah Tinggi Taiping di atas keseluruhan keputusan tersebut — lihat Rayuan Sivil No 12–35–98 (Rayuan oleh pihak ketiga-pemandu motor tanker) dan Rayuan Sivil No 12–40–98 (rayuan oleh defendan iaitu harta pusaka pemandu-si mati motor lori).

Memorandum rayuan telah difailkan pada 2 April 1999 dan rekod rayuan difailkan pada 30 Mei 1999 di Mahkamah Tinggi Taiping untuk Rayuan Sivil No 12–35–98. Bagi Rayuan Sivil No 12–40–98, memorandum rayuan difailkan pada 6 April 1999 dan rekod rayuan difailkan pada 6 Mei 1999.

Rayuan tersebut disebut di Mahkamah Tinggi Taiping pada 5 September 2000 dan peguam-peguam yang mewakili perayu-perayu masing-masing di kedua-dua rayuan dan peguam responden pertama diarahkan oleh mahkamah untuk memfailkan hujah-hujah bertulis dan rayuan ditangguhkan kepada 29 November 2000 untuk sambung hujah-hujah lanjutan secara lisan sekiranya perlu.

Pada 29 November 2000, peguam bagi harta pusaka pemandu-si mati motor lori tersebut dalam penghujahan lisannya telah membangkit tiga isu undang-undang tentang sama ada mahkamah perbicaraan boleh mengambil kira keterangan pihak ketiga (pemandu motor trailer) untuk membuat keputusan di atas isu liabiliti bagi tuntutan seorang plaintif apabila responden pertama gagal membuktikan kecuaian terhadap pemandu-si mati motor lori tersebut. Tiga isu undang-undang yang dibangkitkan oleh peguam bagi harta pusaka pemandu-si mati motor lori tersebut adalah seperti berikut:

(i) sama ada pihak ketiga boleh didapati bertanggungjawab kepada kemalangan tersebut apabila kecuaian terhadap defendan iaitu pemandu-si mati motor lori tersebut tidak dapat dibuktikan oleh responden pertama (penumpang di dalam motor lori tersebut);

(ii) oleh sebab responden pertama melalui keterangannya gagal membuktikan sebarang kecuaian terhadap defendan iaitu pemandu-si mati motor lori tersebut, sama ada mahkamah perbicaraan boleh mengambil kira keterangan pihak ketiga untuk membuktikan kecuaian terhadap defendan iaitu pemandu-si mati motor lori tersebut di mana responden pertama gagal membuktikan;

(iii) sama ada keterangan pihak ketiga boleh diambil kira dan digunakan untuk membuktikan kes seorang plaintif.

A Oleh kerana ketiga-tiga isu undang-undang yang dibangkit oleh peguam perayu bagi harta pusaka pemandu-si mati motor lori tersebut dan disokong oleh peguam perayu pihak ketiga di dalam penghujahan lisan adalah tanpa sebarang hujahan yang kukuh dan autoriti-autoriti untuk menyokong ketiga-tiga isu undang-undang tersebut yang dibangkit, mahkamah ini mengarahkan ketiga-tiga peguam bagi kedua-dua perayu dan responden
B pertama untuk membuat penyelidikan (research) dan memfailkan penghujahan bertulis selanjutnya. Kes ditangguhkan untuk sambung pendengaran rayuan pada 12 Disember 2001 dan peguam-peguam diperintahkan untuk mengemukakan penghujahan bertulis pada atau sebelum 3 Januari 2001 tentang isu-isu tersebut. Ketiga-tiga peguam telah
C memfailkan penghujahan bertulis sebelum 3 Januari 2001 tetapi kes tidak dapat diteruskan pada 12 Februari 2001 sebab ada mesyuarat hakim-hakim dan pesuruhjaya-pesuruhjaya kehakiman Mahkamah Tinggi bersama-sama dengan Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya di Pulau Pinang tentang pindaan kepada Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 tentang pengurusan kes. Oleh itu, kes ditangguhkan untuk keputusan pada 2 Mac
D 2001.

Pada 2 Mac 2001, ketiga-tiga peguam memberitahu mahkamah dan bersetuju bahawa keputusan yang akan diberi oleh mahkamah ini dalam Rayuan Sivil No 12–35–98 (rayuan oleh pihak ketiga) akan diterima dan terikat kepada Rayuan Sivil No 12–40–98 (rayuan oleh defendan iaitu harta
E pusaka pemandu-si mati motr lori). Peguam responden pertama juga membawa perhatian kepada mahkamah bahawa memorandum rayuan yang difailkan oleh kedua-dua peguam bagi perayu-perayu tidak membangkit kedua-dua isu undang-undang seperti di sebut dalam alasan-alasan penghakiman ini sebagai alasan-alasan rayuan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen. Oleh itu, peguam responden pertaina berhujah bahawa
F mahkamah ini sepatutnya tidak boleh membenarkan peguam perayu bagi harta pusaka pemandu-si mati motor lori untuk membangkit kedua-dua isu undang-undang tersebut tanpa diplidkan atau dibangkitkan dalam memorandum rayuan.

Untuk menjawab bantahan tersebut yang dikemukakan oleh peguam
G responden pertama, peguam bagi perayu harta pusaka pemandu-si mati motor lori tersebut dengan jujur mengakui bahawa beliau memang tidak membangkitkan perkara-perkara tersebut di dalam memorandum rayuan. Walau bagaimanapun dan oleh kerana isu-isu adalah berkaitan dengan undang-undang dan kedua-dua peguam bagi perayu telah memfailkan hujah-hujah bertulis, peguam perayu (pihak ketiga) memohon kepada
H mahkamah supaya hujah-hujah bertulis diterima dan ditimbang oleh mahkamah. Oleh kerana ketiga-tiga peguam telahpun memfailkan penghujahan bertulis tentang isu-isu tersebut dan isu-isu adalah berkaitan dengan undang-undang, mahkamah ini membenarkan dan membiarkan hujahan-hujahan tersebut supaya mahkamah dapat memberi keputusan ke
I atas isu-isu tersebut demi keadilan dan sekiranya keputusan yang akan dibuat oleh mahkamah tidak akan prejudiskan mana-mana pihak.

Keputusan Mahkamah Rayuan ini adalah seperti berikut.

Isu pertama

Sama ada Mahkamah Rayuan ini harus masuk campur di atas keputusan isu liabiliti yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen, Taiping pada masa itu.

Mahkamah ini berpendapat bahawa hakim mahkamah sesyen telah membuat penemuan fakta-fakta di dalam kes ini berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan di hadapan beliau di mana Hakim itu telah mendengar dan melihat saksi-saksi memberi keterangan. Mahkamah ini mendapati bahawa Mahkamah Rayuan tidak harus mengganggu atau masuk campur di atas pendapat fakta-fakta yang telah dibuat oleh hakim mahkamah sesyen kecuali, jika penemuan tersebut tidak disokong oleh keterangan atau keputusannya adalah bertentangan keberatan keterangan atau mahkamah perbicaraan tidak membuat penilaian kehakiman (no proper judicial evaluation). Walau bagaimanapun, mahkamah ini berpendapat bahawa rayuan ini bukanlah satu keadaan seperti disebut dan mahkamah sesyen yang telah mendengar dan melihat saksi-saksi semasa memberi keterangan di dalam perbicaraan mempunyai satu 'visual advantage' di mana Mahkamah Rayuan ini tidak mempunyai peluang tersebut (lihat *Commercial Union Assurance (M) Sdn Bhd v Ng Chek Hung and another appeal* [1997] 2 MLJ 465).

Mahkamah ini berpendapat bahawa hakim mahkamah sesyen telah membuat penilaian atau evaluation yang mencukupi dan cara kehakiman berdasarkan keseluruhan keterangan lisan dan dokumen-dokumen yang berkaitan bagi kes responden pertama apabila dibanding dengan keterangan-keterangan bagi perayu-perayu dan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana juga telah memberi penjelasan atau alasan yang jelas bagi keputusan tersebut.

Oleh itu, mahkamah ini berpendapat bahawa ia hanya akan masuk campur dengan keputusan hakim perbicaraan sekiranya tersilap dalam penilaian (evaluation) keterangan atau di undang-undang dan keputusan dibuat tanpa penilaian kehakiman (without proper judicial evaluation). Mahkamah ini berpendapat bahawa rayuan ini bukanlah satu kes sedemikian bagi Mahkamah Rayuan ini masuk campur. Oleh itu Mahkamah Rayuan ini tidak ingin masuk campur di atas keputusan tentang liabiliti.

Dalam kes *Mohd Samsudim bin Isamail v Tan Yeow Hwa & Anor* [2000] 3 AMR 3445 dan [2000] 4 CLJ 398, saya telah merujuk beberapa keputusan Privy Council, Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan yang dilapurkan tentang kuasa dan keadaan bilakah Mahkamah Rayuan harus masuk campur dengan keputusan pendapat fakta-fakta yang dibuat oleh mahkamah perbicaraan dan mahkamah ini tidak akan mengulangi prinsip-prinsip kesemua kes-kes tersebut yang telah tetap dan dikekalkan kecuali merujuk kepada nama-nama beberapa kes dan citation sahaja. Kes-kes Privy Council, Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan yang telah dirujuk di dalam kes *Mohd Samsudin bin Ismail* dan untuk rujukan rayuan ini adalah seperti berikut:

(1) *Coghlan v Cumberland* [1898] 1 Ch D 704;

(2) *Lofthouse v Leicester Corporation The Times Law Reports* 1948 Vol lxiv;

A (3) *Benmax v Austin Motor Co Ltd* [1955] 1 All ER 326;

(4) *Tay Kheng Hong v Heap Moh Steamship Co Ltd* [1964] 30 MLJ 87;

(5) *Hitam bin Abdullah & Anor v Kok Foong Yee (f) & Anor* [1974] 1 MLJ 193;

B (6) *Samar binte Mansor v Mustafa Kamarul Ariffin* [1974] 2 MLJ 71;

(7) *Yahaya bin Mohamad v Chin Tuan Nam* [19751 2 MLJ 117;

(8) *Rasidin bin Partojo v Frederick Kiai* [1976] 2 MLJ 214;

(9) *Siti Aisha binti Ibrahim v Goh Cheng Hwai* [1982] 2 MLJ 124;

C (10) *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395;

(11) *China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal* [1996] 2 MLJ 517;

(12) *Renal Link (KL) Sdn Bhd v Dato' Dr Harnam Singh* [1997] 2 MLJ 373.

D

Di antara kes-kes yang tersebut di atas dan selain daripada kes kes tersebut, mahkamah ini ingin merujuk kepada kes-kes seperti berikut:

(a) Dalam kes *Rasidin bin Partojo v Frederick Kiai* [1976] 2 MLJ 214 di ms 215, YAA Wan Sulaiman FJ bagi Mahkamah Persekutuan E berkata:

> 'A Court of Appeal always starts with the working presumption that any decision appealed against is right in every respect. So to succeed in an appeal the appellant must convince us that the decision appealed from is wrong. If we are not so convinced, the appeal fails.'

F

Dalam kes *Mat Shah bin Mohamed & Anor v Foo Say Meng & Ors* [1984] 1 MLJ 237, Wan Sulaiman HP bagi Mahkamah Persekutuan berkata di ms 243:

> He had seen and heard all the witnesses and studied all the documents before him. He believed and accepted the evidence adduced by the respondents. He G held that the appellants had not discharged the onus of proof. Therefore, he was not satisfied that the appellants had established their claim as the rightful owner of the two licences. He therefore declined to make the declaration prayed for and dismissed the claim with costs. He also dismissed the respondents' counter-claim with costs. We do not consider that an appellate court has any reason to interfere in a case of such nature

H

Dalam kes *Renal Link (KL) Sdn Bhd v Dato' Dr Harnam Singh* [1997] 2 MLJ 373, Mahkamah Rayuan melalui Gopal Sri Ram HMR, antara lain, berkata (di ms 379):

> ... unless we, as a Court of Appeal, are convinced that there was no judicial appreciation of evidence by the trier of fact, or that the audio-visual advantage I reserved to a trial judge had been missed or that the findings made do not accord with the probabilities of the case taken as a whole, it will not be open to us to inwrvene and upset the findings made by the trial judge.

Walau bagaimanapun, sekiranya pendapat hakim mahkamah perbicaraan adalah berdasarkan kepada andaian yang dibuat daripada fakta yang lain dan bukan fakta yang berdasarkan kepada kredibiliti saksi-saksi yang hakim mahkamah sesyen sendiri lihat dan dengar atau mahkamah sesyen telah dengan izin 'so fundamentally misdirected itself atau mempunyai 'insufficient judicial appreciation', Mahkamah Rayuan ini akan masuk campur di atas keputusan hakim mahkamah sesyen tetapi kes ini seperti dinyatakan terlebih dahulu bukanlah satu keadaan seperti berikut untuk Mahkamah Rayuan ini masuk campur (lihat *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395, *Kerry v Carter* [1969] 1 WLR 1372, *China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal* [1996] 2 MLJ 517).

Dalam *China Airlines Ltd*, Dzaiddin HMP (beliau pada masa itu) berkata:

> On the other hand, there is a clear authority also ftom the House of Lords — and followed by the Privy Council — which says that a distinction can be drawn between a finding of a specific fact which depends upon the credibility of witnesses and a finding offact which depends upon inferences drawn ftom other facts. In the latter case, an appellate court will more readily interfere with the trial judge's findings of fact and form an independent opinion than in the case of the former.

Oleh itu, mahkamah ini tidak masuk campur di atas keputusan hakim mahkamah sesyen tentang isu liabiliti.

Isu kedua

Sama ada responden pertama telah membuktikan kecuaian terhadap pemandu-si mati motor lori No PAK 5263 di mana beliau adalah seorang penumpang pada masa kemalangan berlaku.

Keterangan responden pertama dan keseluruhan keterangan di dalam kes ini menunjukkan bahawa pemandu-si mati motor lori tersebut melanggar motor tanker No WB 3899 dari arah belakang dan fakta ini tidak dinafikan oleh kedua-dua perayu dan responden pertama kerana ini adalah fakta-fakta yang sebenarnya di dalam kemalangan tersebut. Di atas keadaan tersebut, mahkamah ini mendapati k 22 Kanun Jalanraya LN 165/1959 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas 1959, boleh dipakai terhadap pemandu-si mati motor lori No PAK 5263 dan kemungkinan kaedah tersebut boleh membangkit s 59(4) Ordinan Lalu Lintas 1958, iaitu ordinan pada masa itu dan sekarang diganti oleh Akta Pengangkutan Jalan 1987, di mana satu kes kecuaian prima facie telah diwujud terhadap pemandu-si mati motor lori tersebut. Sebelum mahkamah merujuk kepada Kanun Jalanraya, mahkamah telah memberi peluang kepada ketiga-tiga peguam dan menjemput untuk berhujah sama ada k 22 Kanun Jalanraya boleh dipakai dalam fakta-fakta dan dalam keadaan kes tersebut sebelum mahkamah memberi keputusan pada 2 Mac 2001. Ketiga-tiga peguam berhujah bahawa k 22 Kanun Jalanraya boleh dipakai terhadap pemandu-si mati motor lori tersebut dan ada berkaitan dengan kes ini.

A Kaedah 22 Kanun Jalanraya LN 165/1959 adalah seperti berikut:

> If you collide with the rear of a vehicle in front of you it is your own fault and means that you have followed too closely. You should allow at least one car's length between your car and the car in front for every ten miles an hour ofyour speed. Thus at 30 mph there should be at least three cars' length between your car and the car in front.

B

Seksyen 59(4) Ordinan Lalu Lintas 1958 adalah seperti berikut:

> Failure on the part of any person to observe any provisions of the highway code shall not itself render that person liable to criminal proceedings of any kind, but any such failure may in any proceedings, whether civil or criminal, be relied on by any party to the proceedings as tending to establish or to negative any liability which is in question in those proceedings.

C

Untuk membuktikan kecuaian terhadap pemandu-si mati motor lori tersebut dan untuk berjaya dalam tindakan ini, Mahkamah ini mendapati bahawa adalah mencukupi untuk responden pertama membuktikan bahawa pemandu-si mati motor lori tersebut dengan cuai melanggar di bahagian belakang motor tanker pihak ketiga dan di atas satu kes prima facie boleh wujud. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa beban pembuktian kecuaian terhadap pemandu-si mati motor lori tersebut adalah tugas responden pertama tetapi mahkamah ini mendapati bahawa di dalam kes ini untuk membuktikan kecuaian tersebut, responden pertama boleh berharap atau terikat atau merujuk kepada keadaan-keadaan dan/atau keterangan-keterangan seperti berikut:

D

E

(i) keterangan responden pertama sendiri di mahkamah bahawa pemandu-si mati motor lori tersebut melanggar belakang motor tanker pihak ketiga (rujuk Kaedah 22 Highway Code LN 165/1959 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas 1959) dibaca bersama-saina dengan s 59(4) Ordinan Lalu Lintas 1958 (lihat kes *Ma Clyde v Wong Ah Mei & Anor* [1970] 2 MLJ 183, *Chan Peng Fook v Kan Pak Lee* [1974] 2 MLJ 197, *Yahaya bin Mat & Anor v Abdul Rahman bin Abu* [1982] 1 MLJ 202);

F

G

(ii) keterangan yang didapati daripada responden pertama melalui pemeriksaan balas oleh peguam pihak ketiga atau peguam harta pusaka pemandu-si mati motor lori tersebut (defendan) boleh juga dipakai di mana keterangannya menunjukkan bahawa pemandu-si mati motor lori tersebut melanggar bahagian belakang motor lori tanker pihak ketiga di mana pada masa motor tanker pihak ketiga sedang diperiksa oleh polis di tempat sekatan polis (road block) dan di mana keterangan ini disokong oleh laporan polis yang dibuat oleh Kpl Rahmat bin Othman (eksh P8);

H

(iii) keterangan daripada pihak ketiga tentang perlanggaran oleh motor lori tersebut daripada arah belakang motor tanker.

I Oleh itu, aduan atau penghujahan peguam perayu bagi harta pusaka pemandu-si mati motor lori tersebut bahawa responden pertama gagal membuktikan kecuaian terhadap pemandu-si mati motor lori No PAK

5263 adalah tidak berasas, tanpa merit dan haras ditolak. Sebenarnya, responden pertama telah membuktikan kecuaian terhadap pemandu-si mati motor lori tersebut seperti yang dikehendaki dari segi undang-undang dan seperti dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun, mahkamah ini mengambil kesempatan untuk menyatakan bahawa sekiranya pihak ketiga di kompaun kerana engkar mematuhi Kaedah 16 Highway Code LN 166/1959 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas 1959 dan bukti bahawa pihak ketiga dikompaun tidak akan semata-mata bergantung ke atas bukti yang perlu dibuktikan oleh seorang plaintif atau boleh digunakan atau digantikan sebagai bukti di mana perlu dibuktikan oleh seorang plaintif kecuali dalam keadaan di mana terdapat keterangan-keterangan yang lain untuk membuktikan kecuaian dan dipakai untuk menyokong kecuaian terhadap pihak-pihak yang tertentu. Di dalam keadaan itu, iaitu, di mana terdapat keterangan-keterangan yang lain untuk membuktikan kecuaian terhadap satu pihak selain daripada bukti pembayaran kompaun di atas kesalahan di bawah Highway Code LN 166/1959 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas 1959, mahkamah perbicaraan di atas budi bicara boleh mengambil kira keterangan kompaun itu yang berkaitan dengan kecuaian dan sekiranya ada lain-lain keterangan bagi membuktikan kecuaian terhadap seorang defendan atau pihak yang berkaitan. Dengan itu, Mahkamah ini percaya bahawa satu penjelasan telah diberi kepada kes *Mohd Samsudin Ismail v Tan Yeow Hwa & Anor* [2000] 4 CLJ 398 untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dan disalahgunakan oleh seseorang pihak yang tertentu dan supaya keputusan itu dibaca dengan keseluruhan alasan-alasan keputusan itu dan fakta-fakta kes itu dan bukan merujuk pada satu bahagian sahaja yang akan memberi gambaran atau keputusan yang tidak benar. Juga, seorang yang membayar kompaun ke atas mana-mana kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah Lalu Lintas yang berkaitan dengan kemalangan tersebut boleh memberi penjelasan mengapa beliau bersetuju untuk membayar kompaun sekiranya beliau tidak cuai ke atas kemalangan tersebut. Seterusnya, sama ada penjelasan itu boleh diterima atau tidak harus ditentukan oleh mahkamah perbicaraan di atas keseluruhan keterangan.

Isu ketiga

Sama ada perayu-pihak ketiga juga telah bertanggungjawab di atas kemalangan tersebut.

Keterangan perayu-pihak ketiga sendiri telah menunjukkan bahawa motor tanker beliau selepas memotong motor lori tersebut dengan laju terpaksa berhenti apabila beliau nampak sekatan polis (road block) dan polis memberi isyarat dengan tangan untuk berhenti dan perlanggaran berlaku setelah beliau berhenti di sekatan selama satu minit.

Juga, ada keterangan perayu-pihak ketiga bahawa beliau tidak melihat cermin pandang belakang sebelum berhenti. Selanjutnya, keterangan perayu-pihak ketiga juga menunjukkan bahawa sebaik sahaja beliau berhenti, polis ada tanya apa muatan dan sebelum beliau sempat jawab apa jenis minyak yang beliau membawa sudah berlaku perlanggaran tersebut.

A Oleh itu, mahkamah ini mendapati bahawa keterangan tersebut oleh perayu-pihak ketiga memberi makna atau mahkamah boleh membuat andaian (draw an inference) bahawa, pertama, perayu-pihak ketiga langsung tidak sedar bahawa motor lori tersebut ada menghampiri dari arah belakang motor tanker beliau sebab beliau tidak melihat cermin pandang belakang sebelum berhenti walaupun jalan itu adalah lurus, kedua, beliau B berhenti, di sekatan selama satu minit sahaja dan sebelum beliau sempat menjawab soalan polis beliau mendengar bunyi perlanggaran di belakang, ketiga, mengikut gambar-gambar polis ia menunjuk motor tanker perayu-pihak ketiga berhenti bukan di tepi jalan di sebelah kiri pada waktu kemalangan berlaku tetapi di atas jalan yang adalah hak laluan pemandu-si C mati motor lori tersebut dan lain-lain kenderaan yang datang dari belakang dan keempat, mengikut keterangan perayu-pihak ketiga bahawa selepas perlanggaran berlaku, barulah di atas arahan polis beliau meletakkan motor tanker beliau di tepi jalan. Juga, k 31 Kanun Jalanraya LN 165/59 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas 1959 boleh dipakai terhadap perayu, pihak ketiga dan boleh diterima sebagai satu kecuaian prima facie di bawah s 59(4) Ordinan D Lalulintas 1958 terhadap perayu-pihak ketiga. Mahkamah ini juga telah memberi peluang dan menjemput ketiga-tiga peguam untuk berhujah tentang k 31 Kanun Jalanraya sebelum memberi keputusan pada 2 Mac 2001. Ketiga-tiga peguam berhujah dengan jujur bahawa kaedah tersebut ada kaitan dan boleh dipakai terhadap pemandu pihak ketiga dalam kes ini.

E Kaedah 31 Kanun Jalanraya LN 165/1959 adalah seperti berikut:

> When driving a motor vehicle remember to look ftequently at your rearview mirror, and when you approach a strange town watch your speedometer. After a long spell of high speed driving it requires a conscious effort and several looks at your speedometer to reduce your speed to 30 mph.

F Dalam kes *Attorney-General v Rada Baskaran* [1972] 2 MLJ 169, Winslow H berkata:

> He also found that the driver of the lorry was not aware of the approach of the carftom behind him until he heard a loud bang. He found that the reason why the lorry driver was not aware of the car's approaching him ftom behind was because he did not look into his rear view mirror when he commenced to move G out into the road from his stationary position. If he had done so, he would most certainly have seen the deceased's car approaching him from behind.

Oleh itu, sebarang keengkaran kepada Kaedah-Kaedah Highway Code boleh dipakai terhadap seorang defendan, dalam kes ini terhadap pemandu-si mati motor lori ataupun terhadap pihak ketiga. Walau bagaimanapun, H mahkamah ini berpendapat bahawa mahkamah perbicaraan boleh mengambil kira Kaedah-Kaedahnya yang telah dipersetujui oleh semua pihak untuk membuat keputusan tentang kecuaian (lihat s 58 Akta Keterangan 1950).

Dalam kes *Mohd Samsudin Ismail v Tan Yeow Hwa & Anor* [2000] 4 CLJ 398, saya telah mengambil kira keterangan yang lain untuk I mengaitkan dengan kecuaian terhadap defendan di mana defendan pertama telah mengaku bahawa kemalangan tidak akan berlaku sekiranya beliau dapat memotong m/sikal plaintif dalam keadaan berhati-hati dan tambahan

bahawa peguam defendan telah bersetuju di hadapan mahkamah sesyen bahawa liabiliti harus dibahagikan bersama-sama di antara plaintif dan defendan iaitu di atas 50:50 dan bukan hanya ke atas keterangan bahawa kompaun dibayar oleh defendan pertama. Dalam kes itu, saya berkata:

> The learned sessions court judge had failed to consider the other relevant evidence namely, that the first defendant had admitted to an offence under r 10 LN 166/1959 and a further admission by the first defendant that the accident would not have occurred if she had overtaken the plaintiffs m/cycle in a careful manner and coupled with the fact that the defendants' counsel had made a concession before her honour that liability should be apportioned equally between the plaintiffand the defendants ie on a 50 : 50 basis.

Saya juga ada berkata bahawa:

> The learned sessions court judge did not say categorically that the plaintiff's version of the accident was rejected, therefore it is open to this court in an appellate capacity to review the printed evidence. With respect, I also do not think that her honour was entitled, to disregard the concession made by the learned counselfor the defendants that liability should be apportioned on a 50:50 basis and coupled with the evidence that the first defendant was compounded for an offence under r 10.

Dengan itu, mahkamah ini ingin menegaskan bahawa tanpa bukti yang kukuh untuk membuktikan kecuaian terhadap defendan, bukti pembayaran kompaun sahaja di atas kesalahan di bawah Kanun Jalanraya atau Kaedah-Kaedah Lalulintas tidak mencukupi tanpa keterangan yang lain untuk membuktikan kecuaian terhadap seorang pihak yang tertentu atau defendan. Bukti bahawa satu pihak telah dikompaunkan di atas kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah Lalulintas hanya boleh dipakai untuk menyokong atau meningkatkan keterangan yang telah membuktikan kecuaian melalui keterangan lain dan bukan secara berasingan atau bebas (in isolation or independently).

Laporan polis yang dibuat pada 8 Mei 1982 oleh polis Kpl Rahmat bin Othman yang menjalankan sekatan di jalanraya tidak berapa membantu pembelaan perayu-pihak ketiga walaupun laporan itu berkata semasa beliau sedang periksa motor tanker tersebut tiba-tiba motor lori tersebut telah langgar buntut motor tanker tersebut, kerana perkataan sedang periksa tidak memberi penjelasan berapa lama beliau memeriksa dan Kpl Rahmat tidak dapat diperiksa balas di dalam perbicaraan di atas laporan tersebut sebab beliau telah meninggal dunia pada 11 Jun 1994. Sebaliknya perayu-pihak ketiga sendiri telah mengaku bahawa sebaik sahaja beliau berhenti selama satu minit dan sebelum beliau sempat menjawab kepada polis perlanggaran berlaku. Oleh itu, laporan polis yang dibuat oleh mendiang Kpl Rahmat bin Othman tidak membantu pembelaan pihak ketiga yang diharap oleh pemandu pihak ketiga untuk mematahkan sebarang kecuaian terhadap beliau.

Seterusnya, walaupun laporan polis yang dibuat oleh Kpl Rahmat diterima masuk sebagai keterangan oleh hakim mahkamah sesyen ditanda sebagai eksh P8 di atas persetujuan semua pihak. Hakim mahkamah sesyen dengan dukacita dalam keputusannya berkata bahawa beliau tidak memberi

A sebarang berat kepada kandungan laporan tersebut. Hakim mahkamah sesyen berkata seperti berikut, 'As for the police report of the deceased policeman, it would be unsafe to rely on it. The police report says that the accident occurred when the policeman "sedang periksa lori". "Sedang periksa lori" could very well mean when the policeman was in the process of stopping the lorry. Also, as there was no opportunity for the other parties B to cross-examine the deceased policeman, not much weight can be given to the report especially as I had indicated that it was open to more than one interpretation'. Mahkamah ini mendapati bahawa walaupun pihak-pihak di dalam tindakan ini tidak dapat memeriksa balas mendiang Kpl Rahmat di atas laporan beliau yang diterima sebagai keterangan dan ditanda sebagai C eksh P8, ini tidak bermakna bahawa sebarang berat tidak boleh diberi oleh mahkamah perbicaraan kepada kandungannya. Kpl Rahmat adalah seorang pegawai polis dan beliau bukanlah satu pihak yang ada sebarang kepentingan di dalam kemalangan atau tuntutan responden pertama atau bagi mana-mana pihak dan laporan polis tersebut dibuat di dalam waktu 'contemporaneous' bagi kemalangan tersebut dan tentang perkara yang D berkaitan dengan tugas rasmi yang beliau menjalani iaitu menjaga sekatan polis (road block) dan memeriksa motor tanker tersebut di tempat kemalangan berlaku.

Oleh itu, mahkamah ini mendapati bahawa laporan polis tersebut boleh diterima pakai di bawah s 73A(1) Akta Keterangan 1950 dan berat boleh diberi kepada kandungan laporan polis tersebut dan hakim mahkamah E sesyen boleh mengambil kira atau memberi perhatian kepada kandungan laporan polis tersebut mengikut s 73A(6) Akta Keterangan 1950 tersebut di atas keseluruhan keterangan. Di dalam kes ini, mendiang Kpl Rahmat adalah dalam menjalankan tugas rasmi beliau dan laporan ini adalah satu laporan maklumat pertama untuk kemalangan tersebut dan juga ada bukti F bahawa beliau telah meninggal dunia sebelum tarikh perbicaraan dimulakan. Dengan itu, mahkamah ini berpendapat bahawa mahkamah sesyen boleh memberi pertimbangan tanpa menolak langsung seperti yang dinyatakan oleh hakim mahkamah sesyen sekiranya laporan polis itu boleh membantu mahkamah untuk, membuat keputusan yang seadilnya.

Walau bagaimanapun, mahkamah ini mendapati bahawa ini adalah G satu peluang untuk menyatakan atau memberi perhatian bahawa laporan ini tidak boleh diterima di bawah s 32(1)(i) dan (j) Akta Keterangan 1950 kerana peruntukkan di bawah s 32(2) berkata bahawa perenggan-perenggan tersebut hanya boleh dipakai untuk prosiding jenayah sahaja (lihat *PP v Mohd Jamil bin Yahya & Anor* [1993] 3 MLJ 702 dan *Public Prosecutor v Michael & Anayo Akabogu* [1995] 3 MLJ 42). Oleh itu mahkamah ini H berpendapat bahawa penerimaan eksh P8 boleh diterima di bawah s 73A(6) Akta Keterangan 1950.

Di atas keseluruhan keterangan perayu-pihak ketiga dengan jelas menunjukkan bahawa ini bukanlah satu keadaan di mana motor tanker telah berhenti di tepi jalan selama-lamanya atau pada masa yang tertentu I selama-lamanya dan di mana motor lori tersebut dengan tiba-tiba melanggar bahagian belakang motor tanker tersebut. Sekiranya, kemalangan seperti tersebut berlaku, pemandu-si mati motor lori tersebut

boleh dikatakan berpertanggungjawab berdasarkan kepada fakta-fakta yang berkenaan sepenuhnya ke atas kemalangan tersebut tetapi keadaan seperti itu dan keadaan di kes ini harus dibezakan di mana perlanggaran berlaku dengan secepat mungkin dan apabila sahaja motor tanker tersebut berhenti di atas jalan kerana ditahan oleh polis dan ada sekatan polis dan hentian itu adalah selama satu minit sahaja sebelum perlanggaran berlaku. Juga, dalam laporan polis perayu-pihak ketiga yang dibuat pada 8 Mei 1982, beliau langsung tidak sebut bahawa beliau ada memperlahankan atau mengurangkan kelajuan motor tanker apabila beliau melihat sekatan polis (road block) tetapi dan selepas 16 tahun pada 31 Julai 1998 barulah beliau menceritakan pada masa beliau memberi keterangan di mahkamah sesyen bahawa beliau telah mengurangkan kelajuan di mana keterangan itu tidak disokong oleh laporan polis beliau sendiri. Keterangan seperti ini dan selepas 16 tahun boleh dikatakan satu keterangan 'afterthought' untuk tujuan mengelakkan tanggungjawab beliau.

Mahkamah ini mendapati bahawa seseorang pihak yang ingin berharap atau berikat dengan laporan polis beliau untuk menyokong keterangan beliau di mahkamah harus memberitahu atau sebut di dalam laporan polis sekurang-kurangnya fakta-fakta yang material supaya keterangan beliau di mahkamah tidak akan bercanggah dengan laporan polis. Perkara ini telah diulangi dalam banyak kes yang telah dilapurkan (lihat *Abdul Mokhti bin Haji Ahmad v Idris bin Ibrahim* [1977] 2 MLJ 85, *Wan Norsiah binti Wan Abdullah v Che Harun bin Che Daud* [1980] 1 MLJ 237, *Khairul Anuar bin Abu Bakar v Lim Eng Choon* [1990] 2 CLJ 994, *Chew Soon Lan v Ludhiana Transport Syndicate & Anor* [1976] 2 MLJ 205). Walau bagaimanapun, mahkamah ini memang mengambil perhatian tentang apa yang dikatakan oleh YA Raja Azlan Shah (pada masa itu) dan sekarang DYMM Sultan Perak dalam kes *Chock Kek Ling v Patt Hup Transport Co Ltd & Ors* [1966] 1 MLJ 120 di ms 121:

> I find as a fact that there was this heap of gravel on the road as was told to us by the second defendant as well as the fourth defendant. Mr Keith Sellar has attacked the report lodged in which the fourth defendant had failed to mention that fact. To this I would say that the report does not and will not contain everything under the sun. It is merely the first step to bring the police machinery into effect. Be that as it may, his client (the second defendant) has admitted in evidence that there was this heap of gravel. So there was. Learned counsel cannot have it both ways.

Walau bagaimanapun, di dalam kes ini mahkamah mendapati bahawa fakta-fakta yang material seperti yang dinyatakan di atas tidak harusnya ditinggalkan daripada laporan polis yang dibuat oleh perayu-pihak ketiga. Oleh itu, perayu-pihak ketiga tidak boleh menambah atau menambahkan versi beliau melalui keterangan lisannya di mahkamah di mana fakta-fakta material tersebut tidak dinyatakan dalam laporan polis.

Dengan itu, mahkamah ini mendapati bahawa perayu-pihak ketiga juga bertanggungjawab atau menyumbang kepada kemalangan tersebut seperti didapati oleh hakim mahkamah sesyen dan perayu-pihak ketiga tidak boleh dilepaskan tanpa didapati bertanggungjawab. Keseluruhan keterangan seperti yang didapati di rekod rayuan menunjukkan bahawa perayu-pihak

ketiga telah mengwujudkan satu situasi yang tidak selamat dan membahayakan dan dengan itu beliau boleh dikatakan atau didapati telah menyumbang kepada kemalangan tersebut seperti yang didapati oleh hakim mahkamah sesyen. Mahkamah ini berpendapat bahawa keputusan hakim mahkamah sesyen yang mendapati perayu-pihak ketiga bertanggungjawab 20% ke atas kemalangan tersebut adalah satu keputusan kehakiman dan Mahkamah Rayuan ini tidak ingin masuk campur ke atas keputusan tersebut (lihat *Renal Link (KL) Sdn Bhd v Dato' Dr Harnam Singh* [1997] 2 MLJ 373).

Oleh itu, di atas fakta-fakta tersebut, mahkamah ini mendapati bahawa responden pertama telah membuktikan satu kes prima facie terhadap pemandu-si mati motor lori tersebut. Oleh yang demikian, adalah tugas pemandu-si mati motor lori tersebut untuk 'rebut' (mematahkan) kecuaian prima facie tersebut di mana beliau boleh menunaikan tugasnya atau menunjukkan punca utama kemalangan adalah disebabkan oleh perayu-pihak ketiga yang mengwujudkan satu situasi yang merbahaya dengan berhenti tiba-tiba tanpa memberi sebarang isyarat ataupun perlanggaran itu berlaku di atas sebab-sebab yang tertentu dan sebab-sebab tertentu itu bukanlah di atas kecuaian atau disebabkan tidak ada perhatian oleh beliau dan juga beliau telah dikeseluruhan perjalanan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya atau munasabah. Oleh kerana pemandu-si mati motor lori tersebut telah meninggal dunia di dalam kemalangan tersebut, pembelaan bagi harta pusaka pemandu-si mati motor lori itu tidak dapat dikemukakan seperti yang dikehendaki. Dengan itu, pemandu-si mati motor lori tersebut telah gagal untuk berjaya di dalam pembelaan untuk mengelakkan kecuaian beliau seperti yang berlaku dalam kes ini dan menolak kecuaian itu dengan penuh kepada perayu-pihak ketiga (lihat *Haron v Macaulay* [1969] 1 MLJ 169).

Isu keempat

Sama ada hakim mahkamah sesyen atau responden pertama boleh memakai keterangan pihak ketiga untuk membuktikan atau menyokong kes responden pertama

Mahkamah ini mendapati tanpa memakai keterangan perayu-pihak ketiga, hakim mahkamah sesyen juga boleh mendapati pemandu-si mati motor lori tersebut yang melakukan kecuaian prima facie mengikut kk 22 dan 31 Kanun Jalanraya LN 165/1959 di mana keterangan responden pertama ada menyokong atau memberi gambaran bagaimana kemalangan berlaku iaitu, pemandu-si mati motor lori tersebut telah melanggar bahagian belakang motor tanker perayu-pihak ketiga. Walau bagaimanapun, sekiranya keterangan ini tidak mencukupi untuk mengikat atau untuk mengaitkan pemandu-si mati motor lori tersebut, mahkamah ini mendapati bahawa keterangan perayu-pihak ketiga boleh diterima pakai oleh responden pertama untuk membuktikan kecuaian terhadap pemandu-si mati motor lori tersebut atau untuk membuktikan tuntutan responden pertama. Dengan itu, mahkamah ini mendapati bahawa responden pertama boleh memakai keterangan perayu-pihak ketiga untuk membuktikan atau menyokong kes responden pertama di atas fakta-fakta kes ini.

Mahkamah ini ingin merujuk kepada A 16 k 1(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 di mana ia berkata seperti berikut:

> Where a third party notice is served on the person against whom it is issued, he shall as ftom the time of service be a party to the action (in this order referred to as a third party) with the same rights in respect of his defence against any claim made against him in the notice and otherwise as if he had been duly sued in the ordinary way by the defendant by whom the notice is issued.

Oleh itu, peruntukkan tersebut di Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dengan jelas menunjukkan bahawa apabila notis pihak ketiga diserahkan kepada pihak ketiga di mana notis pihak ketiga dikeluarkan, pihak itu dari masa penyerahan atau penerimaan saman pihak ketiga adalah satu pihak kepada tindakan itu yang dirujuk sebagai pihak ketiga. Perkataan yang penting dalam keadaan dan di atas kaedah-kaedah tersebut adalah pihak ketiga itu adalah satu pihak dalam tindakan itu. Oleh yang demikian, pihak ketiga boleh diperiksa dan keterangan beliau boleh didapati (elicited) melalui pemeriksaan balas sekiranya pihak ketiga memilih untuk memberi keterangan di dalam perbicaraan tuntutan plaintif terhadap defendan dan keterangan yang dikemukakan melalui pemeriksaan balas pihak ketiga oleh plaintif boleh dikatakan sebagai keterangan bagi seorang plaintif atau bagi seorang defendan dan ini tertakluk kepada siapa yang menjalankan pemeriksaan balas pihak ketiga.

Mengikut A 16 k 1(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, melalui 'parallel analogy', mahkamah ini mendapati bahawa adalah terbuka kepada responden pertama untuk membuktikan kecuaian atau menjalankan tugas beban beliau dengan menggunakan cara-cara seperti berikut yang dicadangkan dalam kes *Neo Chan Eng v Koh Yong Hoe* [1960] MLJ 291 iaitu:

(i) melalui keterangan beliau sendiri (by his own evidence) atau;

(ii) melalui pemeriksaan balas defendan (by cross-examination of the defendant) atau;

(iii) melalui pengakuan yang dibuat oleh defendan (by admission made by the defendant).

Walaupun cadangan seperti dinyatakan dalam kes *Neo Chan Eng* dipakai terhadap seorang defendan, mahkamah ini mendapati bahawa dengan peruntukan A 16 k 1(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan dengan 'parallel anology', tindakan atau cara yang sama boleh dilanjutkan atau dipakai oleh seorang plaintif kepada keterangan pihak ketiga untuk membuktikan kes plaintif terhadap seorang defendan kerana pihak ketiga dikatakan atau anggap (deemed) sebagai satu pihak di tindakan itu.

Seterusnya mahkamah ini mendapati bahawa semua pihak yang mengambil bahagian di dalam satu prosiding harus diperiksa, diperiksa balas dan diperiksa semula dan sebarang keterangan yang dikemukakan di dalam prosiding tersebut di dalam satu perbicaraan harus dan boleh diteliti dan dipakai oleh mahkamah perbicaraan. Mahkamah ini mendapati bahawa adalah tidak adil atau boleh dikatakan bahawa seorang plaintif hanya atau

A harus membukti kecuaian terhadap seorang defendan dan sepenuhnya melalui keterangan beliau sendiri sahaja atau pengakuan defendan dan bukan melalui keterangan pihak yang lain seperti pihak ketiga di dalam satu bicara yang sama di mana pihak-pihak termasuk pihak ketiga ambil bahagian di prosiding tersebut di dalam satu perbicaraan. Pengakuan dan keterangan yang didapati daripada pemeriksaan balas seorang bertentangan
B sama ada seorang defendan atau pihak ketiga adalah keterangan bebas dan adalah tidak adil untuk menafikan seseorang plaintif untuk pakai keterangan bebas tersebut sekiranya ia menyokong keterangan seorang plaintif. Di dalam kes ini, mahkamah ini mendapati bahawa penilaian bagi keterangan pengakuan tersebut oleh pihak ketiga adalah lebih berat apabila
C berbanding dengan keterangan plaintif sendiri. Di dalam kes *Yew You & Anor v Mah Poay Koh & Anor* [1970] 1 MLJ 57, Ong Hock Thye HB (Malaya) telah berkata seperti berikut (di ms 59):

> It is elementary law that the onus on the plaintiffs is satisfactorily discharged once it appears to the court on balance of probabilities that the circumstances
D are more consistent than not with the defendants' negligence. *Evidence in support of the plaintiffs' case is not necessarily confined to what is adduced on their behalf, but the whole of the evidence, from whatever source, must also be taken into consideration.* (Penekanan ditambah.)

Dalam kes *Tong Khing Kia & Anor v Yeo Kong Boon* [1991] 2 MLJ 101, Chao Hick Tin H, Mahkamah Tinggi Singapura juga berharap memakai
E keterangan pihak ketiga untuk membuktikan kes plaintif dan ini adalah satu kes yang ada berkaitan dengan isu yang sama (directly in point) seperti yang dibangkit oleh peguam perayu pemandu-si mati motor lori. Seperti yang diketahui keputusan mahkamah perbicaraan adalah berdasarkan kepada keseluruhan keterangan yang boleh diterima (admissible evidence) sama
F ada melalui keterangan lisan atau melalui dokumen-dokumen. Oleh itu, adalah wajar bahawa perbicaraan juga ambil kira keterangan pihak ketiga sama ada untuk memutuskan tuntutan plaintif atau untuk memutuskan sama ada pihak-pihak di dalam prosiding itu misalnya di dalam satu tindakan kemalangan kecuaian jalanraya ada menyumbang dan untuk menentukan pembahagiannya (lihat *Wong Fook v Abdul Shukor bin Abdul*
G *Halim* [1991] 1 MLJ 46).

Mahkamah ini mendapati bahawa keterangan pihak ketiga adalah satu kaitan yang perlu (necessary link) untuk membuktikan punca kemalangan dan apabila pihak ketiga adalah satu pihak dalam tindakan itu dan di dalam satu perbicaraan dan ini harus menjatuhkan di bawah peruntukkan ss 6, 7
H dan 9 Akta Keterangan 1950.

Dengan itu, mahkamah ini mendapati bahawa mahkamah perbicaraan harus dan mempunyai tugas untuk mengambil kira segala keterangan relevan yang dikemukakan dalam perbicaraan termasuk keterangan pihak ketiga apabila membuat keputusan.

I Pemandu-si mati motor lori tersebut dan perayu-pihak ketiga adalah dikatakan sebagai 'tortfeasors' yang terlibat dalam kemalangan tersebut di mana keterangan masing-masing adalah penting atau material untuk

menentukan punca penuh kemalangan tersebut. Oleh itu, mahkamah ini mendapati adalah tidak munasabah untuk mengenepikan keterangan pihak ketiga atau untuk compartmentalize dan/atau mengenepikan keterangan pihak ketiga untuk mendapati punca kemalangan kerana ianya akan menafikan tujuan perbicaraan diadakan dan membenarkan pihak ketiga mengambil bahagian dalam satu perbicaraan di mana beliau berhak untuk memeriksa balas plaintif dan defendan dan ini adalah untuk mendapati perkara yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, boleh dikatakan bahawa pihak ketiga adalah privy kepada kemalangan tersebut dan tanpa kehadiran beliau dalam tindakan tersebut ada kemungkinan punca dan effect kemalangan tidak dapat dibuktikan dan ini adalah satu ketidakadilan dan tidak akan memberi makna kepada keadilan. Di dalam kes ini, mahkamah ini mendapati bahawa adalah satu causal link yang tertentu berlaku di antara pemandu-si mati motor lori tersebut dan pihak ketiga dan keterangan yang dikemukakan bagi kedua-dua pihak tersebut adalah 'intertwined' supaya satu pihak tidak boleh wujud tanpa pihak yang satu lagi (The evidence on behalf of the defendant and the third party is so intertwined that one cannot exist without the other).

Untuk tujuan prosedur pihak ketiga di dalam satu perbicaraan (lihat kes *Barclays Bank v Tom* [1923] 1 KB 221 di ms 224:

> The object of the third party procedure is then in the first place to get the third party bound by the decision between the plaintiff and the defendant. In the next place it is directed to getting the question between the defendant and the third party decided as soon as possible after the decision between the plaintiff and the defendant, so that the defendant may not be in the position of having to wait a considerable time before he establishes his right of indemnity against the third party while all the time the plaintiff is enforcing his judgment against the defendant. And thirdly, it is directed to saving the extra expense which would be involved by two independent actions. With these objects in view the third party order usually provides that the third party may appear at the trial between the plaintiff and the defendant.

Oleh itu dan mengikut kes *Barclay's Bank* dan sekiranya tujuan untuk memasukkan pihak ketiga adalah untuk mengaitkan kepada keputusan yang dibuat oleh mahkamah di antara seorang plaintif dan seorang defendan, maka a fortiori, keterangan pihak ketiga adalah relevan dan harus diambil kira dan jika tidak dibuat sedemikian keputuan mahkamah hanya tertakluk kepada seorang plaintif dan defendan sahaja dan ini akan membawa ketidakadilan dan tidak akan mencapai tujuan prosiding pihak ketiga yang telah dibawa oleh seorang defendan di data tindakan plaintif dan di mana hanya satu perbicaraan dijalankan di mana pihak ketiga mengambil bahagian dan memeriksa balas plaintif dan defendan.

Dalam kes *Eden v Weardale Iron & Coal Company* [1887] 35 Ch D 287, Cotton LJ telah dengan jelas berkata tentang posisi seorang pihak ketiga di ms 292:

> They (third party) were put in the position of being entitled to attend, as opponents of the plaintiff, at the trial of the action, that is to say, to take part in the proceedings just as if they were defendants, but with this qualification– that they could not be made directly answerable to the plaintiff in the action.

> And, in my opinion, that carries with it the right to take any such proceedings previously to the trial of the action which a person made a defendant by the liberty given to attendproceedings might take, including also the right under of O XXXI r 1 to interrogate the plaintiff

Dengan itu, adalah jelas bahawa pihak ketiga di dalam tindakan itu adalah seorang pihak bertentangan kepada seorang plaintif dan beliau berhak untuk buat apa jua yang seorang defendan harus atau akan buat. Oleh yang demikian, seorang plaintif di dalam kes ini iaitu responden pertama berhak untuk ambil kira dan berharap kepada sebarang keterangan atau material yang didapati daripada pihak ketiga dalam satu prosiding yang sama seperti yang berlaku di dalam kes ini melainkan pihak ketiga tidak boleh bertanggungjawab terus kepada tuntutan plaintif seperti yang dinyatakan di kes *Eden*.

Di dalam kes ini, mahkamah ini juga mendapati bahawa pengakuan pihak ketiga di dalam laporan polis beliau bahawa pemandu-si mati motor lori telah melanggar bahagian belakang motor tanker beliau adalah satu laporan atau boleh dikatakan satu contemporaneous 'dokumen dan ini boleh diterima pakai di bawah ss 17, 18 dan 21 Akta Keterangan 1950 (lihat *Ma Clyde v Wong Ah Mei & Anor* [1970] 2 MLJ 183 dan *Lee Ngiap Hoon v Theo Sin* [1992] 1 SLR 83). Juga, mahkamah ini mendapati bahawa perkara yang penting untuk menentukan sama ada keterangan boleh diterima (admissible) adalah sama ada keterangan itu relevan kepada isu yang ada kaitan dengan perkara itu. Sekiranya keterangan itu boleh diterima (admissible) dan relevan, mahkamah tidak masuk campur atau bimbang dengan bagaimana keterangan itu didapati dan diambil kira oleh mahkamah. Dalam kes *Kuruma v The Queen* [1955] AC 197, Lord Goddard CJ berkata:

> the test to be applied in considering whether evidence is admissible is whether it is relevant to the matters in issue. If it is, it is admissible and the court is not concerned with how the evidence was obtained. There can be no difference in principle for this purpose between a civil and criminal case. No doubt in a criminal case the judge always has a discretion to disallow evidence if the strict rules of admissibility would operate unfairly against an accused

Dengan itu, mahkamah ini mendapati bahawa responden pertama telah berjaya untuk membuktikan kecuaian terhadap pemandu-si mati motor lori tersebut. Oleh itu hujahan peguam perayu bagi harta pusaka pemandu-si mati motor lori tersebut bahawa responden pertama telah gagal membuktikan kecuaian terhadap pemandu-si mati motor lori tersebut dan dengan keadaan itu pihak ketiga tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas kemalangan seperti yang didapati oleh hakim mahkamah sesyen adalah tidak berasas dan bukan satu cadangan yang sebenarnya untuk diterima. Seterusnya, hujahan tersebut boleh dikatakan dengan segala hormatnya, satu hujahan tanpa merit dan salah memakai (misapplication) bagi keseluruhan fakta-fakta di dalam kes ini dan tanpa mengambil kira tujuan prosiding pihak ketiga dan keseluruhan keterangan yang dikemukakan dalam perbicaraan seperti ini (lihat *De Cotta v Tan Hock Lee* [1972] 2 MLJ 173).

Dengan itu, mahkamah ini mendapati bahawa apa yang penting adalah sekiranya keterangan yang dikemukakan adalah relevan dan boleh diterima untuk menentukan punca kemalangan seperti di dalam kes ini, mahkamah perbicaraan harus tidak bimbang bagaimana keterangan itu didapati.

Isu kelima

Sama ada Mahkamah Rayuan harus masuk campur tentang pembahagian liabiliti

Di dalam kes ini, mahkamah ini berpendapat bahawa pembahagian liabiliti oleh hakim mahkamah sesyen harusnya secara am tidak dimasuk campur oleh Mahkamah Rayuan ini kerana ini adalah satu perkara yang harus dan biasanya diserah kepada budi bicara mahkamah perbicaraan kecuali pembahagian liabiliti oleh mahkamah perbicaraan tidak dapat disokong di atas keseluruhan keterangan atau bertentangan dengan berat keterangan (lihat *Uval & Anor v Zainal* [1970] 1 MLJ 74 (FC), *Jeremiah v Lee Yew Kwai* [1966] 1 MLJ 59 (PC) dan *Hussein & Anor v Maiden* [1970] 1 MLJ 114 (FC). Walau bagaimanapun, ini bukan bermakna bahawa Mahkamah Rayuan langsung tidak boleh masuk campur di atas pembahagian liabiliti dan tidak boleh dikatakan sebagai satu prinsip yang 'rigid' kerana setiap kes atau rayuan adalah tertakluk kepada fakta-fakta dan keadaan masing-masing dan asas keputusan mahkamah perbicaraan (lihat *Ong Cheng Wah & Anor v Supramaniam Arjunan* [2001] 4 CLJ 202). Rujuk kes *Kerry v Carter* [1969] 1 WLR 1372 di mana Lord Denning MR berkata:

> This court adopts in regard to apportionment the same attitude as it does to damages. *We will interfere if the judge has gone wrong in principle or is shown to have misapprehended the facts: but, even if neither of these is shown, we will interfere if we are of opinion that the judge was clearly wrong.* After all, the function of this court is to be a Court of Appeal. We are here to put right that which has gone wrong. *If we think that the judge below was wrong, then we ought to say so, and alter the apportionment accordingly.* (Penekanan ditambah.)

Walau bagaimanapun dan di atas fakta-fakta kes ini dan di atas sebab-sebab yang dikatakan di atas, mahkamah ini tidak ingin masuk campur tentang pembahagian liabiliti oleh hakim mahkamah sesyen. Mahkamah ini mendapati bahawa hakim mahkamah sesyen tidak tersilap di segi undang-undang atau untuk menggunakan budi bicara dengan kehakiman apabila beliau membahagikan liabiliti di antara harta pusaka pemandu-si mati motor lori tersebut dan perayu-pihak ketiga, iaitu 80% terhadap harta pusaka pemandu-si mati motor lori tersebut dan 20% terhadap perayu pihak ketiga pemandu m/trailer. Sebaliknya, hakim mahkamah sesyen telah menimbang keseluruhan keterangan secara lisan dan dokumen-dokumen yang berkaitan dan telah membuat keputusan secara kehakiman.

Dengan itu, di atas sebab-sebab yang telah dikemukakan dan dibaca bersama-sama dengan kes-kes yang dirujuk dan selepas meneliti hujah-hujah oleh ketiga-tiga peguam yang mewakili kedua-dua perayu dan responden pertama, Mahkamah Rayuan ini tidak ingin masuk campur di

atas keputusan hakim mahkamah sesyen di atas liabiliti atau pembahagiannya. Oleh itu, rayuan terhadap liabiliti ditolak dengan kos.

Isu keenam

Isu kuantum

Kebiasaannya, Mahkamah Rayuan tidak akan masuk campur tentang award yang dibuat oleh mahkamah perbicaraan melainkan mahkamah perbicaraan telah tersilap dalam prinsip undang-undang atau salah fahami (misapprehended) fakta-fakta atau membuat kesilapan tentang taksiran ganti rugi atau tidak mengikut trend of awards atau award itu adalah terlampau tinggi atau rendah. Adalah penting untuk menyatakan di sini bahawa satu award yang diberi oleh mahkamah perbicaraan untuk ganti rugi adalah di satu budi bicara oleh sesuatu mahkamah dan Mahkamah Rayuan ini harus berhati-hati sebelum masuk campur melainkan award yang dibenarkan tidak mengikut prinsip-prinsip seperti yang dinyatakan tadi. Di dalam kes ini, mahkamah ini berpendapat kes ini, bukanlah satu kes untuk Mahkamah Rayuan ini harus masuk campur (lihat *Tan Kuan Yau v Suhindrimani* [1985] 2 MLJ 22, *Topaiwah v Salleh* [1968] 1 MLJ 284, *Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah* [1985] 1 MLJ 30, *Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Haji Ahmad* [1985] 1 MLJ 50, *Mariam binti Mansor v JD Peter* [1975] 1 MLJ 279 dan *Payremalu a/l Veerappan v Dr Amerjeet Kaur & Ors* [2001] 3 MLJ 725).

Oleh yang demikian, mahkamah ini mendapati bahawa award yang dibenarkan oleh hakim mahkamah sesyen bagi kecederaan dan kehilangan pendapatan itu kepada responden pertama adalah munasabah dan berdasarkan kepada keterangan dan mengikut trend of awards dan tidak melanggar sebarang prinsip seperti yang dikatakan di dalam kes-kes yang dirujuk di atas. Oleh itu, mahkamah ini tidak bercadang untuk masuk campur tentang award ganti rugi yang dibenarkan oleh hakim mahkamah sesyen.

Mahkamah ini ingin merakamkan bahawa adalah amat dukacita bahawa responden pertama-plaintif yang menuntut ganti rugi untuk kecederaan parah dan kehilangan pendapatan dan ganti rugi khas terpaksa menunggu selama ini, iaitu lebih kurang 19 tahun sejak tindakan beliau telah difailkan di Mahkamah Tinggi Georgetown, Pulau Pinang pada 17 Mac 1983 dan hanya dapat diselesaikan di mahkamah ini pada 2 Mac 2001 di atas sebab-sebab seperti berikut:

Kronologi peristiwa sejak tindakan difailkan di mahkamah sehingga rayuan pada 2 Mac 2001

Sebenarnya, tindakan plaintif-plaintif telah difailkan di Mahkamah Tinggi Georgetown pada 17 Mac 1983. Selepas lebih kurang empat tahun, kes itu telah dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Georgetown pada bulan Disember 1987 melalui satu perintah yang diperolehi pada 30 Oktober 1987 di Mahkamah Tinggi Georgetown mengikut Practice Direction No 3/87. Dari

Mahkamah Sesyen Georgetown, kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Parit Buntar pada 29 Mac 1989 melalui satu perintah yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen Georgetown pada 3 Mac 1989. Pada 31 Mac 1993, kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Taiping dan selepas beberapa penangguhan, kes dimula di Mahkamah Sesyen Taiping pada 25 Februari 1998 di hadapan hakim mahkamah sesyen, En Harmindar Singh Dhaliwal dan diselesaikan pada 4 November 1998 apabila keputusan diberi oleh beliau.

Selepas meneliti fail Mahkamah Sesyen Taiping yang mengandungi butir-butiran daripada Mahkamah Tinggi Georgetown, Mahkamah Sesyen Georgetown, Mahkamah Sesyen Parit Buntar dan Mahkamah Sesyen Taiping, Mahkamah ini mendapati bahawa perbicaraan tidak dapat berjalan di Mahkamah Tinggi Georgetown kerana pelbagai jenis permohonan telah dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk pindaan pliding, untuk membawa pihak ketiga dan permohonan bantahan awal. Selepas kes dipindah ke Mahkamah Sesyen Georgetown, Parit Buntar dan Taiping, mahkamah ini mendapati bahawa perbicaraan telah ditangguhkan tanpa dimulakan beberapa kali, kebanyakkan di atas permohonan peguam-peguam yang mewakili pihak-pihak dalam tindakan itu dan kebanyakkan di atas alasan peguam terlibat dalam kes-kes di mahkamah-mahkamah yang lain. Notis rayuan terhadap keputusan mahkamah sesyen difailkan di Mahkamah Sesyen Taiping pada 14 November 1998. Rekod rayuan difailkan di Mahkamah Tinggi Taiping pada 30 April 1999 dan rayuan ditetapkan pada 3 Januari 2001 di Mahkamah Tinggi Taiping dan peguam-peguam memfailkan hujah-hujah bertulis pada 12 Februari 2001. Mahkamah Tinggi Taiping telah memberi keputusan pada 2 Mac 2001.

Dengan itu dan selepas meneliti hujah-hujah peguam-peguam perayu-perayu dan peguam responden pertama bersama-sama dengan autoriti-autoriti yang dikemukakan di dalam kedua-dua rayuan tersebut terhadap ganti rugi (kuantum) dan liabiliti, kedua-dua rayuan ditolak dengan kos dan keputusan mahkamah ini di atas tentang liabiliti dalam Rayuan Sivil No 12–35–98 seperti yang dipersetujui oleh semua pihak diikat dan binding bagi Rayuan Sivil No 12–40–98. Deposit yang dibayar oleh peguam bagi kedua-dua perayu diperintahkan dibayar kepada peguam responden pertama untuk akaun kos.

Oleh sebab hakim mahkamah sesyen telah membuat perintah seterusnya bahawa perayu/defendan harta pusaka si mati-pemandu motor lori tersebut membayar jumlah sebanyak RM130,738.40 sebagai ganti rugi am dan khas dan kehilangan keupayaan pencarian pendapatan iaitu di atas 80% liabiliti kepada responden pertama dan perayu-pihak ketiga diperintahkan untuk membayar sebanyak RM34,684.60 sebagai ganti rugi am, khas dan kehilangan keupayaan pencarian pendapatan iaitu di atas 20% liabiliti terus kepada responden pertama, mahkamah ini mendapati bahawa tidak ada sebarang keraguan sama ada perayu-harta pusaka si mati harus membayar ganti rugi di atas 100% kepada responden pertama dahulu dan kemudian mendapat sumbangan 20% daripada pihak ketiga. Oleh itu dan mengikut perintah penghakiman mahkamah sesyen, mahkamah ini mendapati bahawa perayu/defendan, bagi harta pusaka si mati boleh

A membayar ganti rugi dan kos di atas 80% liabiliti terus kepada responden pertama dan pihak ketiga juga membayar ganti rugi dan kos di atas 20% liabiliti terus kepada responden pertama.

Rayuan ditolak.

B Dilaporkan oleh Lim Lee Na

C

D

E

F

G

H

I